

Wanita bantu

UM 24 APR 2002

KUALA LUMPUR 23 April – Malaysia, Maghribi dan Bahrain bersetuju untuk menggabung dan menggcrakkan tenaga, fikir-an dan sumber kemampuan wanita Islam di seluruh dunia bagi membolehkannya turut mema-inkan peranan membantu mewujudkan perda-maian dan keamanan dunia Islam.

Untuk tujuan itu, Menteri Pembangunan Wani-ŕa dan Keluarga, Datuk Shahrizat Jalil berkata, Malaysia telah diminta oleh kedua-dua negara tersebut merintis jalan mempelopori pembentuk-an sebuah forum wanita di peringkat antarabang-sa.

Forum itu, katanya akan bertindak sebagai jen-tera penggerak atau badan tunggal mewakili selu-

ruh wanita Islam untuk memastikan mereka bertindak dengan satu suara dan pendirian bersama.

“Sebagai langkah permulaan, Malaysia kini merancang untuk menganjurkan satu perjumpa-an peringkat menteri-menteri yang bertanggung-jawab ke atas hal ehwal wanita dari kesemua 57 buah negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi membincangkan mengenai per-kara itu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Persetujuan tersebut dicapai hasil pertemuan dan perbincangan antara Shahrizat dengan rakan-rakan sejawatannya di Rabat dan Manama semasa mengiringi lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke negara-negara itu yang berakhir kelmarin.

keamanan dunia

Shahrizat memberitahu, bahawa pertemuan dan perbincangan beliau dengan Menteri Perkh-idmatan Sosial Maghribi, Nousa Chekrouni di Rabat dan Menteri Buruh dan Perkhidmatan Sosial Bahrain, Abdul Nabi Al-Shaola di Manama, membawa hasil yang amat berfaedah dan meng-alakkan.

“Kedua-dua negara itu menghormati negara ini dan gembira Malaysia mempunyai seorang men-teri khusus mengenai hal ehwal wanita dan mereka percaya kita akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan bagi mempelopori usaha pembentukan forum wanita Islam antara-bangsa itu,” kata beliau.

Menurut beliau, Maghribi dan Bahrain sepen-dapat dengan Malaysia bahawa kaum wanita dan

kanak-kanak merupakan golongan yang paling banyak ditimpa kesengsaraan akibat kekejaman dan kezaliman ke atas umat Islam, khususnya rejim Israel di Palestin.

Tetapi, katanya, setakat ini kaum wanita Islam sendiri tidak dapat banakit bersama untuk turut memainkan peranan menentang kezaliman itu disebabkan ketiadaan sebuah forum yang berke-san bagi menggabungkan mereka di bawah satu suara, satu pendirian dan satu tindakan bersama.

Sekarang ini hanya terdapat sebuah forum seumpama itu yang ditubuhkan di bawah Liga Arab di samping lain-lain gerakan yang dijalan-kan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) tetapi tidak membawa impak yang begitu berke-san.